

# Kongsi maklumat untuk lebih cekap

Oleh Badrila Jamlus

BH 21 MAR 2000

KUALA LUMPUR, Isnin – Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali, berkata organisasi di sektor awam perlu menjadi organisasi pembelajaran apabila wujud sistem kerajaan elektronik.

Katanya, sistem itu membolehkan jabatan dan agensi kerajaan berkongsi maklumat menggunakan rangkaian sistem perhubungan manakala pegawai yang berhak boleh mendapat maklumat berkenaan secara terus melalui komputer.

“Organisasi pembelajaran membabitkan individu dan kumpulan pengguna yang akan memproses maklumat serta menukarkannya kepada bentuk pengetahuan yang boleh dimanfaatkan.

“Bagaimanapun ia boleh dilaksanakan dalam sistem kerajaan elektronik yang mana semua jabatan perlu berkongsi maklumat dan maklumat ini boleh diperolehi oleh pegawai dan jabatan lain dengan mudah,” katanya selepas majlis menandatangani perjanjian perkhidmatan antara GITN Sdn Bhd (GITN) dengan agensi ke-

rajaan dan pelancaran Pertubuhan Pengguna GITN (GeniUS) di Kuala Lumpur di sini, hari ini.

Beliau berkata, ketika ini sudah ada agensi kerajaan yang membuat sesuatu keputusan selepas mengumpul maklumat melalui sistem perkongsian maklumat sekali gus menjadikan pentadbiran lebih cekap.

Abdul Halim memberi contoh seorang pegawai kerajaan boleh mendapat maklumat latar belakang seorang pelajar universiti termasuk bidang kursus pengajian atau sama ada pelajar itu mendapat biasiswa atau pinjaman pelajaran daripada kerajaan, hanya melalui komputer di pejabatnya.

Satu lagi contoh nyata ketika ini ialah kemudahan perkongsian maklumat mengenai pendaftaran kenderaan dengan polis, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan agensi penguatkuasaan lain boleh mendapat maklumat dengan mudah.

Dalam majlis itu, 10 agensi kerajaan menandatangani perjanjian dengan GITN, sebuah syarikat usahasama Permodalan Nasional

Berhad dan Telekom Malaysia Berhad yang bertanggungjawab melaksana dan mengurus Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan (GITN).

Agensi terbabit ialah Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia; Jabatan Audit Negara; Bahagian Pentadbiran Kewangan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Jabatan Penjara; Jabatan Perancang Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia; Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso); Jabatan Tanah dan Galian; Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan; Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan Malaysia dan Projek Sistem Pemantauan Tanah Persekutuan.

Berikutan itu, sebanyak 18 agensi kerajaan sudah dilengkapi dengan sistem GITN kecuali tiga agensi yang masih dalam peringkat pemasangan.

Tahun lalu, sebanyak lapan agensi kerajaan dilengkapi dengan GITN iaitu Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi; Kementerian Dalam Negeri; Jabatan Perangkaan; Badan

Pencegah Rasuah; Institut Tadbiran Awam Negara (Intan); Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan di JPM; Lembaga Tabung Haji dan projek Sistem Maklumat Tanah Negara, satu projek di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.

Bagaimanapun Abdul Halim berkata, kerajaan berhasrat menghubungkan kesemua agensi kerajaan di peringkat Persekutuan, negeri dan daerah yang berjumlah lebih 400 di seluruh negara dengan GITN secara berperingkat.

“Kemudahan infrastruktur yang dibangunkan oleh GITN adalah bertepatan dengan pelaksanaan aplikasi perdana projek Koridor Raya Multimedia (MSC).

“GITN juga akan digunakan sebagai infrastruktur asas bagi membangunkan GMPC Net, iaitu rangkaian bagi menampung aplikasi perdana Kad Pintar Pelbagaiguna yang kini dalam peringkat akhir pembangunannya dan dijangka diperkenalkan tidak lama lagi,” katanya.